

**HARAMKAN  
SENJATA  
NUKLEAR  
SEKARANG**



## TENTANG ICAN

---

**Kempen Antarabangsa untuk Memansuhkan Senjata Nuklear (ICAN)** merupakan sebuah badan gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa yang memperjuangkan dunia bebas senjata nuklear. Kami menggesa semua negara untuk mengadakan perbincangan mengenai sebuah perjanjian untuk mengharamkan senjata nuklear secara menyeluruh.



“Jika Gandhi dan Martin Luther King Jr masih hidup hari ini, mereka pasti merupakan sebahagian daripada ICAN.”

**MARTIN SHEEN**, pelakon dan aktivis

Diterbitkan Julai 2013  
Teks dan rekabentuk: Tim Wright  
Terjemahan: Mohamad Muzzamil  
Hubungi: [info@icanw.org](mailto:info@icanw.org)

# Mengapa haramkan senjata nuklear

**Sebuah perjanjian untuk mengharamkan senjata nuklear adalah keperluan kemanusiaan paling utama. Ia mampu dicapai dan menjadi semakin penting.**

**S**enjata nuklear merupakan satu-satunya senjata pemusnah besar-besaran yang masih belum diharamkan oleh perjanjian antarabangsa. Pengharaman sepatutnya sudah lama diadakan dan mampu dicapai jika adanya tekanan daripada masyarakat umum dan pemimpin politik. Ia bukan sahaja menjadikan pemilikan dan penggunaan senjata nuklear sebagai satu kesalahan, malah membuka jalan kepada penghapusan senjata nuklear secara menyeluruh. Negara-negara yang komited dalam menghapuskan senjata nuklear perlu memulakan perbincangan sekarang.

## **KEMUSNAHAN BESAR-BESARAN**

Beribu-ribu senjata nuklear masih wujud walaupun Perang Dingin sudah lama tamat. Letupan sebutir bom nuklear mampu membunuh lebih daripada sejuta orang. Penggunaan berpuluh atau ratusan bom nuklear mampu menggugat iklim dunia, menyebabkan kerosakan tanaman dan kebuluran. Adalah mustahil untuk memberi bantuan kemanusiaan yang secukupnya akibat letupan nuklear. Oleh itu, hanya penghapusan dan pengharaman senjata nuklear merupakan langkah paling berkesan.

## **MEMENUHI TUNTUTAN**

Undang-undang antarabangsa menuntut setiap negara untuk mengadakan rundingan bagi menghapuskan senjata nuklear. Namun begitu, negara-negara kuasa nuklear gagal mengadakan sebuah pelan yang jelas dalam menghapuskan senjata nuklear, malah membelanjakan wang yang banyak untuk memodenkan keupayaan nuklear mereka dengan niat untuk menyimpan senjata ini. Selagi senjata nuklear masih wujud, selagi itulah terdapat risiko ia akan digunakan – dengan sengaja atau tidak sengaja. Justeru, pengharaman adalah sangat diperlukan.

### **KUASA-KUASA NUKLEAR**

#### **Negara yang mempunyai senjata nuklear sendiri**

Britain, China, Perancis, India, Israel, Korea Utara, Pakistan, Rusia, Amerika Syarikat

#### **Negara tuan rumah senjata nuklear milik AS**

Belgium, Jerman, Itali, Belanda, Turki

#### **Negara sekutu kuasa nuklear**

Albania, Australia, Bulgaria, Kanada, Croatia, Republik Czech, Denmark, Estonia, Greece, Hungary, Iceland, Jepun, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Norway, Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Korea Selatan, Sepanyol

## Bagaimana perjanjian pengharaman akan berkesan

**Sebuah perjanjian pengharaman senjata nuklear merupakan langkah terpenting dalam menghapuskan senjata nuklear. Ia perlu dilakukan sekarang, dengan atau tanpa sokongan kuasa-kuasa nuklear.**

**R**undingan untuk perjanjian ini perlu diadakan oleh negara-negara yang komited walaupun tanpa penyertaan negara-negara yang memiliki senjata nuklear. Jalan lain adalah dengan membenarkan kuasa nuklear menguasai dan mengawal proses dan memperkenalkan sistem dua tingkat serta satu perjanjian antarabangsa yang tidak mewajibkan pelupusan senjata nuklear.

### **SATU PENGHARAMAN GLOBAL**

Pengharaman senjata nuklear akan meluaskan apa yang zon-zon bebas senjata nuklear telah lakukan pada skala kecil – Amerika Latin, Selatan Pasifik,

Asia Tenggara, Asia Tengah dan Afrika kepada skala global. Ia akan membolehkan mana-mana negara untuk menolak senjata nuklear secara formal dan membina norma undang-undang menentang pemilikan senjata nuklear. Di samping itu, pengharaman ini akan berdasarkan kepada, dan akan mengukuhkan lagi Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) dan Perjanjian Halangan Ujian Komprehensif yang telah membantu mengelak penggunaan dan penyebaran senjata nuklear tetapi gagal untuk menghapuskan senjata nuklear. Pengharaman senjata nuklear adalah satu-satunya perkara yang

tinggal dalam usaha memperkenankan undang-undang meluas yang menolak semua jenis senjata pemusnah besar-besaran.

### **MENCAPAI PENGHAPUSAN**

Pengharaman sesebuah senjata menjadi penyebab dan penghalak penghapusan senjata itu. Contohnya, pengharaman senjata biologi dan kimia menjadi langkah penting dalam usaha berterusan untuk menghapuskannya. Justeru, perjanjian pengharaman senjata nuklear akan membolehkan negara pemilik senjata nuklear untuk menyertai perjanjian ini dengan syarat mereka bersetuju untuk melupuskan

senjata nuklear mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Setelah dipersetujui, persetujuan lain boleh dicapai dalam memastikan pelupusan senjata mereka dapat disahkan dan proses pelupusan tidak dapat diterbalikkan. Perjanjian pengharaman ini tidak perlu menyatakan setiap langkah rumit yang perlu diambil setiap negara, tetapi ia akan membantu membina rangka kerja untuk mencapai matlamat ini.

Perjanjian ini apabila dikuatkuasakan, mampu mencabar mana-mana tanggapan yang menyatakan pemilikan senjata nuklear adalah sah bagi mana-mana negara.

## SENJATA YANG TELAH DIHARAMKAN

Terdapat beberapa konvensyen antarabangsa yang mengharamkan senjata biologi dan kimia, periuk api serta peluru berangkai, tetapi masih tiada perjanjian yang sama bagi senjata nuklear. Masyarakat antarabangsa perlu mengisi kekosongan undang-undang ini. Seperti

proses rundingan lalu yang menghasilkan perjanjian pengharaman periuk api dan peluru berangkai, kerajaan yang berpendirian sama perlu bekerjasama dengan pergerakan sivil bagi mengharamkan senjata nuklear tanpa mengira tentangan negara-negara kuasa nuklear.



### X SENJATA BIOLOGI

Diharamkan di bawah Konvensyen Senjata Biologi

1972



### X SENJATA KIMIA

Diharamkan di bawah Konvensyen Senjata Kimia

1993



### X PERIUK API

Diharamkan di bawah Perjanjian Ottawa

1997



### X SENJATA BERANGKAI

Diharamkan di bawah Konvensyen Senjata Berangkai

2008



### SENJATA NUKLEAR

MASIH BELUM DIHARAMKAN MELALUI PERJANJIAN

## SOKONGAN ANTARABANGSA BAGI PENGHARAMAN



### LEBIH 150 NEGARA

Tiga daripada empat negara di PBB, – termasuk semua negara Amerika Latin, Kepulauan Caribbean dan Afrika – telah menyokong usaha pengharaman senjata nuklear. Kini mereka perlu menterjemahkan sokongan mereka kepada usaha untuk memulakan rundingan perjanjian.



### PERTUBUHAN PALANG MERAH ANTARABANGSA

Pertubuhan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa – pertubuhan kemanusiaan terbesar di dunia, dengan hampir 100 juta sukarelawan dan pekerja – telah menggesa satu perjanjian mengikat yang menghalang penggunaan serta pemusnahan senjata nuklear dipersetujui.



### SETIAUSAHA AGUNG PBB

Setiausaha Agung PBB Ban Ki-moon telah menyatakan tiadanya perjanjian antarabangsa yang mengharamkan senjata nuklear dan menyokong secara konsisten usaha pengharaman dan pemusnahan senjata nuklear. Beliau juga memberi sokongan terhadap usaha ICAN.



### 4 DARIPADA 5 ORANG SELURUH DUNIA

Secara purata, empat daripada lima orang di 26 negara sejak 2008 telah menyatakan “ya” kepada pengharaman senjata nuklear. Sejak 2010, 20 juta tandatangan telah berjaya dikumpul dalam sebuah petisyen yang dihantar ke PBB bagi menggesa pengharaman ini.



“Jadilah penggerak pertama. Jangan tunggu orang lain atau jiran anda untuk memulakan usaha pemusnahan dan kawalan senjata. Jika anda menjadi pemangkin, yang lain akan ikut serta.”

Forum ICAN: Pelakon Martin Sheen bersama aktivis John Dear di Oslo.  
Penghargaan: Alexander Harang

## KESAN KEMUSNAHAN

Beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa kerajaan, pergerakan sivil dan pertubuhan antarabangsa telah mengubah tumpuan kepada punca asal tentangan awam terhadap senjata nuklear – kemusnahan besar terhadap manusia dan alam sekitar. Pada Mac 2013, kerajaan Norway menjadi tuan rumah kepada persidangan antara kerajaan pertama yang membincangkan ancaman senjata nuklear dari perspektif kemanusiaan. Ia melibatkan 128 kerajaan, Pertubuhan Palang Merah, beberapa agensi PBB dan pergerakan sivil yang bernaung di bawah ICAN. Hampir kesemua negara bersetuju bahawa satu-satunya cara untuk menghalang penggunaan senjata nuklear adalah dengan meng-haramkan dan menghapuskannya. Di penghujung persidangan itu, Mexico mengumumkan akan menganjurkan persidangan seterusnya pada 2014.





# Mencapai pengharaman senjata nuklear

Terdapat hal kemanusiaan yang jelas dan mendesak untuk mengharamkan senjata nuklear. Sasaran ini boleh dicapai melalui penyertaan daripada masyarakat umum dan pemimpin politik.

Sejak 2010, impak kemanusiaan akibat senjata nuklear menjadi tema utama perbincangan di kalangan kerajaan dan pergerakan sivil dalam mencari jalan untuk mencapai penghapusan senjata nuklear. Peningkatan perbincangan ini menunjukkan perlunya usaha bersepadu bagi mencapai pengharaman dan penghapusan sepenuhnya senjata nuklear. Kesan kemusnahan teruk yang dilihat berlaku di Hiroshima dan Nagasaki serta daripada ujian letupan telah didokumentasikan dan memberi rasional untuk merundingkan pengharaman ini.

## PENYERTAAN AWAM

Keberkesanan sesuatu pengharaman bergantung kepada penyertaan aktif pergerakan sivil. Sejak 2007, Kempen Antarabangsa untuk Memansuhkan Senjata Nuklear, sebuah badan gabungan di lebih 70 negara, telah berusaha untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap ancaman senjata nuklear dan mengalakkan orang ramai untuk berusaha ke arah pengharaman. Kami telah menganjurkan beberapa persidangan, bengkel, pameran, tayangan filem dan protes, serta meningkatkan usaha kami di PBB, di parlimen, di sekolah dan di internet.

## KEPIMPINAN POLITIK

Negara-negara bebas nuklear telah lama mengadu tentang kurangnya kemajuan dalam proses penghapusan senjata nuklear di samping bimbang terhadap usaha berterusan kuasa-kuasa nuklear dalam meningkatkan keupayaan nuklear. Walau bagaimanapun, mereka masih mempunyai pengaruh kerana mereka membentuk majoriti terbesar. Melalui kerjasama efektif, satu pengharaman yang berkesan ke atas senjata nuklear mampu dihasilkan, yang melahirkan imej negatif terhadap senjata nuklear dan meningkatkan tekanan terhadap pelupusan senjata nuklear.

## CADANGAN USAHA

### Kerajaan-kerajaan perlu:

- Menonjolkan kesan kemanusiaan akibat penggunaan senjata nuklear
- Menyeru diadakan rundingan perjanjian pengharaman senjata nuklear
- Berganding bahu dengan kerajaan lain bagi merealisasikan pengharaman

### Pergerakan sivil perlu:

- Meningkatkan kesedaran awam terhadap bahaya penggunaan senjata nuklear
- Membentuk satu badan gabungan untuk meggesa pengharaman senjata nuklear

## Soalan sering ditanya

### 1. Mampukah satu pengharaman dapat dirunding tanpa penyertaan kuasa-kuasa nuklear?

Ya. Penyertaan kesemua sembilan negara pemilik senjata nuklear amat digalakkan, namun ia tidak terlalu penting. Negara-negara bebas nuklear boleh memulakan proses rundingan malah menguatkuasakan hasil rundingan tanpa memerlukan persetujuan mana-mana negara kuasa nuklear. Persetujuan berkenaan sistem pengesahan pelupusan senjata nuklear boleh diusahakan bersama negara kuasa nuklear pada masa akan datang apabila negara-negara ini sudah bersedia. Tetapi, adalah amat penting untuk memulakan usaha pengharaman ini dari sekarang. Apabila rundingan sudah dimulakan, mana-mana negara amat dialu-alukan untuk menyertai proses rundingan asalkan mereka menerima matlamat rundingan iaitu menandatangani perjanjian pengharaman menjelang tarikh yang ditetapkan.

### 2. Bolehkah negara-negara sekutu kuasa nuklear merundingkan pengharaman?

Ya. Beberapa negara NATO menggesa supaya ditingkatkan usaha untuk mengharamkan senjata nuklear, dan bersetuju dengan matlamat utama iaitu penghapusan senjata nuklear.

Menarik diri daripada NATO atau mana-mana perjanjian bilateral pertahanan nuklear bukanlah syarat awal untuk menyertai perjanjian pengharaman. Namun begitu, negara-negara sekutu kuasa nuklear perlu berusaha ke arah mencapai pendirian pertahanan bebas nuklear setelah menyertai perjanjian ini.

### 3. Mampukah perjanjian pengharaman menghalang penyebaran senjata nuklear?

Ya. Kawalan penyebaran dan pelupusan senjata merupakan perkara yang berkait rapat. Usaha mengekang penyebaran senjata nuklear hanya akan berhasil jika para

penyedar dapat melihat kemajuan dalam mencapai penghapusan senjata. Undang-undang yang tidak sama rata menggalakkan penyebaran. Pengharaman sepenuhnya akan menetapkan undang-undang yang sama bagi semua.

### 4. Bagaimana pengharaman ini akan berkait dengan Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear?

Satu perjanjian pengharaman akan melengkap serta menguatkan dan bukan menggantikan Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) 1968 yang akan dikuatkuasakan selama mana ditetapkan ahlinya. Artikel VI NPT menggesa negara-negara untuk mengusahakan rundingan dengan ikhlas. Mengharamkan senjata nuklear adalah langkah utama dalam menghapuskannya. Pengharaman ini juga akan didasarkan kepada Perjanjian Halangan Ujian Komprehensif dan perjanjian zon bebas senjata nuklear sedia ada.

### 5. Apakah faedah meletakkan stigma ke atas senjata nuklear?

Pengharaman senjata nuklear akan menguatkan penolakan antara-bangsa terhadap penggunaan dan pemilikan senjata pemusnah besar-besaran. Ia akan memberi tekanan ke atas negara-negara kuasa nuklear untuk menghentikan usaha pemodenan senjata nuklear dan bekerja ke arah penghapusan secara menyeluruh. Ia akan mencabar negara sekutu kuasa nuklear untuk menghentikan sokongan terhadap pemilikan senjata nuklear.

### 6. Apakah faedah keselamatan yang boleh dicapai?

Pengharaman senjata nuklear akan meningkatkan keselamatan bagi semua – termasuk bagi penduduk di negara kuasa nuklear. Kesan senjata nuklear mampu melangkaui sempadan negara. Malah perang nuklear yang “kecil” mampu memberi kesan buruk kepada seluruh dunia.

**Tindakan jalanan:** Ahli kempen menunjukkan penghargaan kepada negara-negara yang menyertai persidangan di Oslo yang membincangkan kesan kemanusiaan akibat senjata nuklear pada Mac 2013.



Apakah pendirian kerajaan anda mengenai pengharaman senjata nuklear?  
Lihat panduan komprehensif kami tentang pendirian kerajaan di [www.icanw.org](http://www.icanw.org)

# HARAMKAN SENJATA NUKLEAR **SEKARANG**

“Dengan sokongan anda, kita mampu membawa ICAN lebih jauh – sehingga mencapai sasaran bebas senjata nuklear.”

**DESMOND TUTU**, aktivis hak sosial

“Saya boleh bayangkan dunia tanpa senjata nuklear, dan saya menyokong ICAN.”

**DALAI LAMA**, pemimpin keagamaan Tibet

“Kita mampu melakukannya bersama! Dengan bantuan anda, suara kita akan menjadi lebih kuat.”

**YOKO ONO**, aktivis keamanan dan artis

“Saya tabik ICAN kerana berusaha dengan penuh komitmen dan kreativiti.”

**BAN KI-MOON**, Setiausaha Agung PBB

[www.icanw.org](http://www.icanw.org)